

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM (BERUAS)**

**SOALAN**

**DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana seorang bukan Islam atau seorang yang pernah menjadi seorang Islam tetapi sekarang bukan seorang Islam lagi boleh membatalkan perkataan 'Islam' daripada kad pengenalannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Pendaftaran dan perekodan butiran agama dan catatan agama Islam di hadapan Kad Pengenalan dilaksanakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) selaras dengan Peraturan 4(cc) dan Jadual Pertama Peraturan 5(2) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara (PPPn 1990). Bagi individu beragama selain daripada agama Islam, butiran agama hanya direkodkan dalam cip Kad Pengenalannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Peraturan 14 PPPn 1990, setiap orang yang memiliki Kad Pengenalan dan mendapati dalam Kad Pengenalannya mengandungi butir-butir yang pada pengetahuannya adalah tidak betul hendaklah memohon pindaan butiran Kad Pengenalan. Individu yang ingin membuat pindaan butiran agama Islam pada Kad Pengenalannya hendaklah hadir ke JPN untuk mengemukakan permohonan dan membawa bersama dokumen sokongan seperti mana berikut:-

- a. Surat Akuan Berkanun;
- b. Perintah Mahkamah Syariah atau pengesahan Majlis Agama Islam atau Jabatan Agama Islam; dan
- c. Sijil Baptisma atau surat pengesahan memeluk agama selain daripada agama Islam.